



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.7/2024
PADA 31 JULAI 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
 - I. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;
 - II. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - III. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;

- V. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
 - VII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
 - VIII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
 - IX. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;
3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN
KIBAR JALUR GEMILANG**

4. Pada 21 Julai 2024, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 di Cyber Event Hall, Cyberjaya, Selangor. YAB Dato' Seri Anwar dalam ucapannya menyeru agar setiap rakyat Malaysia menanam rasa cinta kepada negara dan terus mengibarkan Jalur Gemilang demi memartabatkan maruah negara dan mengekalkan kemasyhuran Malaysia. "Malaysia Madani : Jiwa Merdeka" telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan 2024 sebagai perlambangan kesepaduan secara holistik negara maju dan progesif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati serta teguh jati dirinya.

5. Sehubungan dengan itu, saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban menghayati tema Hari Kebangsaan tahun ini dan sentiasa bersatu hati dan bekerjasama dalam membangunkan serta merealisasikan bandar raya

Seremban sebagai bandar pintar ataupun “*Smart City*” suatu hari nanti.

6. Saya juga meminta warga bandar raya Seremban mengibarkan Jalur Gemilang di premis Kerajaan, perniagaan dan kediaman masing-masing bermula 1 Ogos sehingga 30 September 2024 bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik dan cintakan negara. Saya yakin dan percaya setelah 67 tahun negara menikmati kebebasan dan kemerdekaan, kita akan dapat mengekalkan kehidupan yang harmoni, saling mengasihi dan bersatu hati dalam kalangan masyarakat meskipun berlainan kaum, agama dan latar belakang.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PERJUMPAAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM DENGAN PENJAWAT AWAM NEGERI SEMBILAN

7. Pada 18 Julai 2024, YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengadakan Perjumpaan Bersama Dengan Penjawat Awam Negeri Sembilan di Dewan MBS Jalan Yamtuan. Perjumpaan ini merupakan kali pertama diadakan semenjak beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada Januari yang lalu.

8. Tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk menyampaikan agenda nasional kepada Penjawat Awam di Negeri Sembilan dan untuk mengukuhkan kerjasama antara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri. Turut hadir ialah YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan. Dalam pada itu, Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban telah mewakili saya dan Ketua Jabatan serta Ketua Unit MBS

turut hadir mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban hadir ke perjumpaan tersebut.

9. Selain itu, Majlis Bandaraya Seremban telah dijemput untuk mengadakan pameran di ruang legar lobi Dewan MBS. MBS telah mempamerkan mengenai Jabatan Penyelenggaraan yang baharu diwujudkan pada tahun 2024. Pameran ini telah dilawati oleh KPPA, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan taklimat mengenai Jabatan Penyelenggaraan telah disampaikan oleh Tuan Setiausaha MBS.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) 2024
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

10. Alhamdulillah, tahniah sasaran 5 bintang dalam Sistem Penarafan Bintang – Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 telah berjaya kita perolehi. Saya juga dimaklumkan bahawa Ketua Panel Penilai mengumumkan bahawa Ketua Panel Penilai mengumumkan MBS telah meraih pencapaian markah yang telah disasarkan. Syabas semua! Terima kasih diucapkan kepada barisan panel penilai dari Pasukan Inspektorat KPKT yang diketuai oleh Encik Mohammad Khatib @ Fazri bin Amran yang telah melakukan penilaian di MBS pada 22 Julai yang lalu. Semoga sasaran kita menjadi Top 30 PBT di Malaysia dan tempat pertama di Negeri Sembilan akan tercapai. Insya Allah.

11. Selain itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kesemua warga kerja MBS yang komited dan bekerjasama untuk persediaan dan persiapan bagi mengadapi penilaian *Star Rating* ini yang telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh itu, segala komen atau maklumbalas daripada panel penilai merupakan satu *key point* untuk kita memperbaiki segala tindak tanduk yang boleh dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua jabatan dan unit dapat mengenalpasti semula indikator-indikator jabatan seperti yang telah ditetapkan di dalam penilaian *Star Rating* agar dijadikan hakiki yang perlu dilaksanakan pada setiap tahun dan direkod bagi persediaan *Star Rating* akan datang.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**OPERASI PENGUATKUASAAN PAPAN TANDA IKLAN
(BILLBOARD) LEBUH RAYA UTARA-SELATAN (PLUS)
BERSAMA DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SEMBILAN**

12. Pada 9 Julai 2024 yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan operasi pemantauan papan tanda iklan (*billboard*) di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) bersama dengan YBhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 9 Julai 2024. Operasi ini diadakan bagi memantau papan tanda iklan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seremban bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini.

13. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Seremban telah mengeluarkan kompaun sebanyak 378 pada tahun 2021 kepada pemilik papan tanda supaya mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Pada tahun 2022, Majlis telah mengeluarkan 100 notis tampal di papan tanda yang tidak mempunyai permit, manakala pada tahun 2023 pula, Majlis

telah mengeluarkan tanda roboh sebanyak 225 unit. Pada tahun 2024, Majlis telah melakukan operasi meroboh papan iklan ke atas 145 unit papan tanda yang tidak mempunyai permit.

14. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Seremban melalui Akta Jalan Parit & Bangunan serta Undang-Undang Kecil (UUK) Iklan akan melakukan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun, notis, tanda dan tindakan akhir ialah melakukan perobohan terhadap papan iklan tanpa permit. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban meminta pemilik produk atau perkhidmatan untuk mengiklankan produk melalui syarikat yang berdaftar dengan lebuh raya atau yang berlesen dengan Majlis Bandaraya Seremban.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI DARI FOSHAN,
CHINA**

15. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Syarikat Multinasional dan Dewan Perniagaan Foshan di Wisma MBS pada 10 Julai 2024. Delegasi daripada Foshan yang diketuai oleh Mr Ding Xi Feng, *Standing Committee cum Minister of the United Front Work Department* sedang mengadakan lawatan kerja di Malaysia bagi mendapatkan informasi berkaitan potensi pelaburan perindustrian di Seremban, Negeri Sembilan.

16. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Tuan Teo Kok Seong, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perindustrian dan Hal Ehwal Bukan Islam, YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, dan Dato' Seri Yeat Sew Chuong Pengerusi Eksekutif GD Holdings.

17. Satu surat niat telah ditandatangani oleh kedua-kedua belah pihak antara Majlis Bandaraya Seremban dan Foshan City bagi tujuan menjalinkan kerjasama berkaitan pertukaran budaya, kelestarian, perekonomian dan sebagainya.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**KURSUS PENULISAN SOSIAL MEDIA MAJLIS
BANDARAYA SEREMBAN**

18. Perkembangan teknologi amat pesat sehingga segalanya boleh didapati di hujung jari. Zaman berganti zaman, kaedah pendidikan juga turut berubah mengikut perkembangan semasa teknologi. Terkini, aplikasi TikTok yang pada awal kemunculannya sering dikaitkan dengan imej yang negatif kini telah menjadi medan perkembangan ilmu sejagat. Aplikasi ini memberi pengaruh dan kesan yang sangat baik kepada pengguna kerana ia membuka ruang kepada para pengguna terutamanya agensi Kerajaan untuk menyampaikan maklumat dan perkhidmatan melalui cara yang mudah difahami.

19. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Kursus Penulisan Sosial Media Majlis Bandaraya Seremban pada 30 Jun sehingga 2 Julai 2024 bertempat di Avilion Cameron Highlands, Seramai 30 orang peserta terdiri daripada warga kerja pelbagai jabatan hadir bagi mempelajari dan berkongsi ilmu mengenai pengurusan sosial media. Saya meminta jabatan menyediakan video informasi berkaitan perkhidmatan dan fungsi jabatan masing-masing untuk dimuat naik ke dalam sosial media rasmi Majlis Bandaraya Seremban. Paparan ini akan memudahkan warga bandar raya Seremban lebih memahami dengan jelas perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Seremban.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

LAPORAN UNIT INTEGRITI

20. Majlis Bandaraya Seremban juga telah menerima surat edaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan "Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti". Di dalam surat tersebut, pegawai awam telah diberi peringatan agar memandang berat mengenai 4 perkara :-
 - (i) Pengurusan Waktu Bekerja ;
 - (ii) Pengurusan Kaunter ;
 - (iii) Penyampaian Perkhidmatan ; dan
 - (iv) Laporan Jabatan (iaitu setiap Ketua Jabatan mestilah melaporkan penemuan hasil lawatan mengejut dan kutipan hasil kepada pihak pengurusan tertinggi).
21. Sehubungan dengan itu, saya meminta semua pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban untuk mematuhi edaran tersebut dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sumber : Unit Integriti

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SEJATI MADANI – PROGRAM SEJAHTERA KOMUNITI MADANI

22. Untuk makluman mesyuarat, Kerajaan Persekutuan ada memperuntukkan sebanyak RM1 billion di bawah dana komuniti Madani bagi menyediakan geran kepada komuniti untuk menjayakan Program Sejati Madani melalui pembentungan belanjawan 2024. Melalui program ini, pihak kerajaan menyediakan geran antara RM50,000.00 hingga RM100,000.00 kepada komuniti untuk menjayakan Program Sejahtera Madani dan komuniti diberi kebebasan bermusyawarah untuk memutuskan sektor tumpuan pilihan mereka.
23. Antara lain, program ini bertujuan merancakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat dengan memberikan tumpuan kepada 5 sektor utama iaitu :-
 - (i) Pertanian dan makanan ;
 - (ii) Jahitan dan kraftangan ;

- (iii) Herba dan kesihatan ;
 - (iv) Pelancongan dan hospitaliti ; dan
 - (v) Aktiviti hijau dan kitar semula
24. Dalam konteks program sejati madani, komuniti adalah ditakrifkan sebagai kumpulan orang atau masyarakat yang tinggal di sesuatu daerah, negeri atau negara dan tidak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Permohonan tidak melibatkan aktiviti pembangunan fizikal dan infrastruktur seperti pembinaan, pengubahsuaian dan baikpulih bangunan, jalan, perparitan dan lain-lain.
25. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran majlis telah mengedarkan maklumat lengkap berhubung perkara ini melalui surat bertarikh 9 Julai 2024 yang boleh digunakan oleh Ahli Majlis dan komuniti setempat untuk memohon peruntukan tersebut.

Sumber : Ketua Penolong Setiausaha

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

26. Pada 26 Julai 2024 sehingga 27 Julai 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) Pembentangan Belanjawan 2025 Majlis Bandaraya Seremban bersama dengan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban di Moxy Putrajaya. Pihak Majlis Bandaraya Seremban mensasarkan defisit sebanyak 5% dalam belanjawan pada tahun 2025.
27. Sementara itu, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban sehingga 30 Julai 2024, adalah seperti berikut :-
 - (a) Cukai Taksiran
Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM122.15Juta)
Prestasi = RM84.68Juta (58.92%)
 - (b) Sasaran 30% Kutipan Tuggakan (RM25.12Juta)
Prestasi = RM13Juta (15.52%)
 - (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10Juta)
Prestasi = RM91.64Juta (64.49%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50Juta)
Prestasi = RM132.67Juta (64.56%)

(e) Belanja Mengurus (RM213.24Juta)
Prestasi = RM113.56Juta (53.26%)

(f) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)
Prestasi = RM2.04Juta (12.99%)

28. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi warga Bandar Raya Seremban yang sentiasa mahukan perubahan.

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

OPERASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN DARI PINTU KE PINTU

29. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Kewangan telah mengadakan Operasi Kutipan Cukai Taksiran dari pintu ke pintu sepanjang bulan Jun 2024 di beberapa kawasan dalam Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Sebanyak RM39,668.00 meliputi 145 bilangan akaun kutipan berjaya diperolehi sepanjang operasi berlangsung.
30. Majlis Bandaraya Seremban juga turut mengadakan lawatan ke premis bagi mengutip tunggakan Cukai Taksiran yang berjumlah RM6,000.00 melibatkan 2 bilangan akaun kutipan berjaya diperolehi sepanjang operasi berlangsung.

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

31. Bermula 1 Januari 2024 sehingga 30 Jun 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
 - i. *fogging* 35,852 premis ;
 - ii. ULV 60,150 premis ;
 - iii. *larvaciding* 248 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 248 lokaliti ; dan
 - v. gotong-royong ke atas 66 taman ;
32. Selain daripada itu, sehingga 30 Jun 2024, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 mencatatkan sebanyak 52 pengebumian. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 6 pengebumian manakala bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula telah merekodkan sebanyak 7 pengebumian warganegara. Saya meminta kawasan tanah perkuburan sentiasa diselenggara dengan baik dan memastikan kemudahan infrastruktur berada dalam keadaan baik.

33. Seterusnya pada 5 Jun 2024, Jabatan Kesihatan Persekutuan MBS telah diaudit melalui Program Pemantauan Audit Teknikal (PPAT) Kesihatan Persekutuan Jabatan Kerajaan Tempatan di Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 oleh pihak Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan. Objektif PPAT ini adalah untuk memastikan peruntukan yang diagihkan oleh kementerian kepada PBT dibelanjakan mengikut kaedah perolehan dan pembayaran berdasarkan pematuhan prosedur kewangan. Selain itu ianya adalah untuk memantau dan menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT dalam aktiviti kesihatan persekitaran adalah selaras dengan dasar, akta dan peraturan serta garis panduan yang sedia ada. Hasil dari pengauditan ini, Jabatan Kesihatan Persekutuan MBS telah mendapat markah sebanyak 88% dengan gred 4 bintang.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutuan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PRORAM GOGREEN MBS 2024 : KENALI SENIBINA HIJAU

34. Pada 9 Julai 2024, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) bersama Sekolah Menengah Teknik Tuanku Ja'afar (STTJ) dengan kerjasama Green Building Index (GBI) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengadakan Program GoGreen MBS 2024 bertemakan "Kenali Senibina Hijau" ke Bangunan Ibu Pejabat TNB Platinum, Kuala Lumpur yang dikelolakan oleh Jabatan Kawalan Bangunan (JKB), MBS diketuai oleh Puan Norhezlin binti Amat, Pengarah Kawalan Bangunan, MBS.

35. Saya telah menyempurnakan program ini Bersama-sama dengan Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS dan Ketua Jabatan serta Ketua Unit MBS bagi menyempurnakan program ini dengan penyampaian papan persembahan (*presentation board*) kepada wakil setiap kumpulan pelajar sebagai gimik pelepasan. Peserta program yang terdiri daripada 25 orang pelajar bersama 2 orang guru pengiring STTJ di lobi Wisma MBS.

36. Seperti tahun yang lepas, Program GoGreen MBS 2024 kali ini tampil dengan tema dan konsep yang sama iaitu pembelajaran di luar kelas (*outdoor learning*) di mana pihak MBS telah membawa para pelajar mengenali Senibina Hijau secara lebih dekat dengan menjadikan bangunan Ibu Pejabat TNB Platinum sebagai rujukan terbaik diantara bangunan senibina hijau terbaik yang ada di Malaysia.
37. Bangunan Ibu Pejabat TNB Platinum terpilih bagi program ini kerana bangunan ini mempunyai ciri-ciri elemen hijau seperti penggunaan pengudaraan dan pencahayaan yang optimum dan sangat efektif meliputi seluruh ruang dan pengurangan penggunaan sistem penghawa dingin terhad kepada ruang tertentu sahaja. Di samping itu, bangunan ini juga dilengkapi panel solar sebagai sumber tambahan untuk tenaga elektrik serta alat peneduh matahari di fasad hadapan dan belakang bangunan yang meningkatkan nilai kualiti bangunan ini terutama dari aspek kehijauan.

38. Selain itu, pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik telah disediakan oleh pihak TNB, GBI dan MBS seperti taklimat senibina hijau bangunan Ibu Pejabat TNB Platinum oleh pihak TNB, lawatan sekeliling bangunan, pertandingan kreatif melakar perspektif serta penyampaian sijil penyertaan dan hadiah kepada para peserta program.

Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

39. Semenjak Januari 2024 sehingga Jun 2024, jumlah pegawai bagi kenaikan pangkat, jawatan kontrak kepada tetap dan lantikan baharu adalah seperti dipaparkan.

Sebanyak 3 orang pegawai telah menerima kenaikan pangkat secara pengesahan melibatkan jawatan Pegawai Kesihatan Persekutaran Gred U52, Pembantu Tadbir Gred N26 dan Pembantu Tadbir Gred N22.

Manakala 2 orang pegawai terlibat dengan kenaikan pangkat secara pengisian jawatan melibatkan jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32 dan Pembantu Penguatkuasa Gred KP22.

Bagi kenaikan pangkat secara memangku, seramai 11 orang pegawai dan kakitangan telah terlibat iaitu 4 orang Pembantu Awam Gred H14, 1 orang Pengantar Notis Gred N14, 1 orang Pembantu Operasi Gred N14, 2 orang Pemandu Kenderaan Gred H14, 2 orang Pembantu Tadbir Gred N22 dan seorang Pegawai Tadbir Gred N54.

Bagi Kenaikan Pangkat secara Time Base Berasaskan Kecemerlangan (TBK), seramai 7 orang pegawai dan kakitangan telah terlibat iaitu seorang Pembantu Tadbir Gred N26, seorang Pembantu Tadbir Gred N22, seorang Pembantu Penguatkuasa Gred KP22, seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32, seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N32, seorang Penolong Pegawai Penilaian Gred WA32 dan seorang Pelukis Pelan Gred JA22.

Bagi penjawatan kakitangan kontrak kepada tetap, seramai 16 orang kakitangan telah terlibat iaitu pada bulan Februari seramai 3 orang telah menerima jawatan tetap, pada bulan Mac seorang kakitangan, pada bulan April seramai 4 orang kakitangan, pada bulan Mei seramai 6 orang kakitangan dan pada bulan Jun seramai 2 orang kakitangan.

Dalam pada itu Majlis juga telah menerima kakitangan baharu seramai 21 orang bagi tahun 2024 iaitu bagi bulan Januari 2024, Majlis telah menerima 10 orang kakitangan, pada bulan Mac seramai 2 orang, pada bulan Mei seorang kakitangan telah dilantik dan pada bulan Jun seramai 18 orang kakitangan.

Tahniah diucapkan kepada kakitangan yang telah dilantik dan dinaikkan pangkat.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT DAN PELANCONGAN**

**i. PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL
KORPORAT PASCA BANJIR MAJLIS BANDARAYA
SEREMBAN**

40. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan telah menyampaikan sumbangan *Ready To Eat (RTE) Pack Food* dan tilam tebal (Toto) kepada penduduk Kampung Sungai Mahang yang terjejas akibat bencana banjir yang berlaku pada 28 Jun 2024 yang lalu. Encik Thanabalan a/l Ramiah, Ahli Majlis MBS bersama-sama dengan kakitangan jabatan telah menyampaikan sebanyak 11 *goodies bag* kepada En. Khairulazmi selaku Ketua Kampung Sungai Mahang untuk diagihkan kepada penduduk yang terjejas di Kawasan setempat.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**ii. MALAM PESONA SENI 2024 SEMPENA ULANG
TAHUN KE-4 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

41. Malam Pesona Seni 2024 telah diadakan pada 13 Julai 2024 yang lalu bertempat di Padang NS Jalan Yamtuan, Seremban. Seramai 5,000 orang warga bandar raya Seremban dan luar daripada Negeri Sembilan telah hadir bagi menyaksikan kemeriahinan sambutan kali ini. Pelbagai pengisian telah diadakan antaranya ialah persembahan kebudayaan daripada pelbagai kaum di Malaysia. Selain itu, Majlis Bandaraya Seremban juga telah menjemput pelajar sekolah untuk mengadakan persembahan pada malam tersebut antaranya adalah Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri dan Sekolah Kebangsaan Senawang.

42. Turut diadakan adalah persembahan nyanyian daripada artis terkenal tanah air seperti Ameng Spring, Santesh, Angle Ching, Azlan Typewriter dan Aina Abdul. Turut hadir pada malam tersebut ialah YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus bersama isteri, YB Dato' M K Ibrahim bin Abd Rahman Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri bersama isteri, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli-Ahli Majlis MBS dan rakan-rakan media.

43. Saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutamanya kepada Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN) Negeri Sembilan di atas menjayakan program kali ini.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG &
PENGUATKUASAAN, MBS**

44. Bagi memastikan pematuhan undang-undang di bandar raya Seremban diteruskan, Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Seremban telah mengeluarkan kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Sehubungan dengan itu, mulai Januari 2024 sehingga Jun 2024, sebanyak 91,540 jumlah bilangan kompaun telah dikeluarkan dengan nilai RM5,604,017.00

45. Manakala bagi bilangan kompaun berbayar pula telah mencatatkan sebanyak 31,089 (34%) dengan nilai berbayar sebanyak RM448,113.00 (8%). Sebanyak 243 kertas siasatan (IP) yang telah dibuka pada 1 Januari 2024 sehingga 30 Jun 2024.

46. Berdasarkan laporan tersebut, terdapat beberapa aktiviti yang diberikan tumpuan dengan pecahan tindakan seperti dipaparan :

- i. Kompaun iklan : 1,626
- ii. Kompaun hiburan : 35
- iii. Kompaun rumah urut : 35
- iv. Kompaun rumah tumpangan : 1,646
- v. Kompaun tred perniagaan : 1,646
- vi. Kompaun penjaja : 672

Sumber : Jab. Undang-Undang & Penguatkuasaan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENUTUP

47. Sistem penyampaian awam di Majlis Bandaraya Seremban perlu diperhebat demi manfaat warga bandar raya Seremban. Untuk memperkuuhkan daya saing yang tinggi setanding dengan penjawat awam di negeri lain, saya menggalakkan kerjasama antara Jabatan mengadakan lawatan paras piawaian (*benchmarking*), sesi libat urus, resolusi persidangan dan perbincangan kumpulan berfokus (*fokus group discussion*). Namun saya meminta hasil daripada perjumpaan tersebut perlu dibentangkan dan diaplikasikan jika bersesuaian sebagai timbal balik kepada Majlis Bandaraya Seremban.
48. Saya juga meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban perlu sentiasa fleksibel, relevan dan kontekstual ke arah budaya menghasilkan warga kerja yang berdaya tahan. Segala potensi, tugas dan amanah yang disandang perlu mencakupi budaya berdaya saing peringkat global untuk memberikan nilai terbaik kepada warga bandar raya Seremban.

49. Akhir kata, saya mendoakan usaha dan impian kita bagi mempersiapkan Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar atau “*Smart City*” akan dipermudahkan dengan kerjasama dan bantuan daripada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
31 JULAI 2024**